

TAHAP HALANGAN PELAJAR PROGRAM KERJA SOSIAL DI UNIVERSITI AWAM MALAYSIA DALAM MENGUASAI KURIKULUM ASAS KERJA SOSIAL

(Level of Barriers in Mastering Basic Social Work Curriculum Among Students of Social Work Programme in Public Universities, Malaysia)

Nurzaimah Asalal¹
(nurzaimahasalal@yahoo.com)

Haris Abd Wahab
(haris@um.edu.my)

Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial
Fakulti Sastera dan Sains Sosial
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Abstract

Social work is a semi-professional academic programme that requires its students to master its primary curriculum. It is crucial to produce knowledgeable, skilled and competent social workers. A survey was conducted to study the level of barriers experienced by social work students in public universities in their effort to master the social work curriculum. The survey used a quantitative approach through questionnaire distribution. The study involved 279 final year students of six public universities in Malaysia which offering social work education programs. The study measured ten components of the basic social work curriculum; which are the social work as professionals, value and ethics of social work, client diversity, social and economic justice, critical thinking of at-risk populations, human behaviour and the environment, social justice and welfare, social work practice, research and knowledge and skills in practice through industry training. The findings show that the level of barriers to mastering all the ten components was at a moderate level. The results serve as a guide to streamline the existing social work programme

¹ Penulis koresponden

curriculum in Malaysia; thus, it can produce competent social work graduates who can meet various challenges.

Keywords: social work education, basic social work curriculum, barriers, mastering, competent

Pendahuluan

Kewujudan profesi kerja sosial selama 46 tahun masih kurang mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Perkembangan perlahan profesi kerja sosial menyebabkan profesi ini masih kurang diketahui umum (Amna, 2000). Walau bagaimanapun, dari segi pendidikan, bidang kerja sosial sudah mulai dikenali (Rusimah, Ahmad Syukri & Jusmawati, 2014). Bidang kursus kerja sosial telah ditawarkan di beberapa universiti awam di Malaysia seperti Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaysia Sarawak, Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Sultan Zainal Abidin.

Penawaran kursus kerja sosial di Malaysia adalah mengikut piawaian pendidikan kerja sosial yang telah ditetapkan oleh *Council on Social Work Education* (CSWE) di barat (Zastrow, 1999). Menurut Ezarina (2006), CSWE yang telah ditubuhkan pada tahun 1952 berperanan menyediakan garis panduan dalam menyediakan kurikulum pendidikan kerja sosial kepada institusi yang menawarkan program kerja sosial. Pada tahun 1970, CSWE telah meluluskan program kerja sosial pada peringkat Sarjana Muda di barat. Bermula tahun tersebut, semakin ramai pelajar mengikuti program kerja sosial dan memilih kerja sosial sebagai profesi mereka (Rusimah et al., 2014). Menurut Zastrow (1999), CSWE juga bertanggungjawab menyemak program dan mengiktiraf latihan yang disediakan oleh pihak universiti agar mengikuti piawaian pendidikan kerja sosial yang telah ditetapkan pada peringkat sarjana muda dan sarjana di Amerika Syarikat.

Walaupun piawaian pendidikan kerja sosial yang telah ditetapkan di Amerika Syarikat bersifat universal, ia dibina untuk keperluan kerja sosial di negara

tersebut. Piawaian ini tidak menepati sepenuhnya keperluan kerja sosial sosio-budaya masyarakat lain. Contohnya, Persatuan Pendidikan Kerja Sosial China (*Association for Social Work Education* atau CASWE) adalah badan yang bertanggungjawab dalam mengurus kurikulum kerja sosial di China. Bagi Malaysia, belum ada piawaian pendidikan kerja sosial khusus. Sebaliknya, kurikulum pendidikan kerja sosial di Malaysia diselia mengikut Dasar Pendidikan dan Piawai untuk Pendidikan Kerja Sosial yang diusahakan oleh Jawatankuasa Bersama Kebangsaan Pendidikan Kerja Sosial (JBKPKS) yang ditubuhkan pada tahun 2000.

Kurikulum asas kerja sosial ini menjadi asas kepada pengajaran dan pembelajaran program akademik kerja sosial di Malaysia. Ia juga menjadi asas kepada pengukuran atau penilaian kejayaan program akademik kerja sosial di Malaysia melahirkan pelajar yang cemerlang. Seterusnya, kebolehan pelajar memahami dan menguasai kurikulum asas kerja sosial semasa pengajian bakal melahirkan pekerja sosial yang mampu berkhidmat kepada masyarakat dan meningkatkan profesi kerja sosial di Malaysia.

Ulasan Literatur

Ezarina (2006) dalam penulisannya menyatakan Pendidikan kerja sosial di Malaysia dipiawaikan mengikut sepuluh piawaian oleh *Council on Social Work Education* (CSWE). Pembentukan kurikulum kerja sosial perlu mengikuti sepuluh piawaian kurikulum asas kerja sosial tersebut bagi memberi pendedahan kepada pelajar dalam memenuhi kompetensi kerja sosial dalam praktis (Collins, 2014; Dudley & Helgott, 1990; Ezarina, 2006; Gary, Meenaghan, Anastas & Metrey, 2002; Larry, 2003; Michelle, 2016).

Educational Policies and Accreditation Standards, CSWE (2008) telah menetapkan 10 piawaian pendidikan kerja sosial dalam kurikulum di peringkat universiti. Piawaian-piawaian tersebut adalah:

- (1) *kerja sosial sebagai profesional* - peranan dan tanggungjawab pekerja sosial sebagai seorang profesional dalam profesi menolong (*professional helper*) perkhidmatan manusia (*human services*).
- (2) *nilai dan etika profesional kerja sosial secara spesifik* - terdapat segelintir nilai dan etika kerja sosial bertentangan daripada nilai kendiri individu dan nilai sosio-budaya (spt., agama, bangsa) yang dipegang oleh individu yang bakal mengganggu penyampaian proses pertolongan.
- (3) Kepelbagaian – kerja sosial memberi keutamaan dan menghargai kepelbagaian manusia, yang merangkumi kepelbagaian budaya, agama, gender, keperluan dan pengalaman setiap individu.
- (4) *meningkatkan keadilan dan ekonomi* – kerja sosial memberi keutamaan kepada intervensi yang sesuai dengan keperluan dan masalah yang dihadapi oleh klien perkhidmatan. Pendedahan terhadap teori dan konsep kerja sosial membantu pelajar melakukan penelitian terhadap permasalahan klien yang berbentuk diskriminasi dan penindasan.
- (5) *berfikiran secara kritis untuk menyelesaikan masalah klien* - Piawaian kurikulum asas ini memberi kefahaman kepada pelajar tentang aplikasi teori dan intervensi yang bersesuaian yang harus dinilai secara kritis. Dalam konteks ini, biasanya pelajar akan diberi pengetahuan tentang analisis masalah klien dengan melibatkan sistem sosial klien. Pelajar perlu lebih kritis dalam mengenal pasti masalah dan intervensi yang bersesuaian dengan masalah klien. Piawaian kelima ini berkaitan rapat dengan populasi berisiko. Pelajar perlu mengenal pasti populasi berisiko dalam menjalankan proses pertolongan. Populasi berisiko termasuklah kumpulan wanita, orang tua dan kanak-kanak, orang kurang upaya, pesakit atau kumpulan minoriti yang berbeza etnik, budaya, kelas dan kepercayaan agama. Pelajar perlu memenuhi piawaian kurikulum asas kerja sosial ini supaya pelajar dapat menerima perbezaan setiap klien yang dianggap sebagai unik dan mampu mengenal pasti masalah klien berpandukan teori dan analisis.
- (6) *tingkah laku manusia dan persekitaran* - pelajar kerja sosial perlu didedahkan kepada teori-teori sains sosial berkaitan ekologi manusia.

Ini membolehkan mereka mendapat pengetahuan tentang pengurusan masalah klien berdasarkan pendekatan yang menerangkan hubungan antara tingkah laku manusia dengan persekitaran fizikal dan sosial nya.

- (7) *dasar dan perkhidmatan kebajikan sosial* - Pengetahuan tentang dasar dan kebajikan adalah paling utama yang perlu didedahkan kepada pelajar kerja sosial. Mereka harus tahu cara untuk mengenal pasti dasar dan kebajikan sosial yang bersesuaian dengan klien agar mampu membantu klien mencapai kefungsianya.
- (8) *praktis* – pelajar kerja sosial perlu dilatih mengendalikan masalah klien mengikut praktis di peringkat mikro, messo dan makro. Mereka perlu didedahkan didedahkan dengan proses pertolongan yang melibatkan individu, jiran, keluarga dan masyarakat. Pendedahan pelajar terhadap praktis kerja sosial ini meningkatkan kemampuan pelajar untuk menganalisis tindakan dan intervensi yang sesuai untuk peringkat mikro, messo dan makro.
- (9) *penyelidikan* – pelajar kerja sosial dan pekerja sosial perlu mempunyai kemahiran melakukan penyelidikan. Penyelidikan adalah ilmu utama yang harus dilaksanakan oleh pelajar untuk melatih pelajar menjadi penyelidik. Penyelidik merupakan salah satu peranan utama pekerja sosial semasa praktis. Pada peringkat pengajian, pelajar akan diperkenalkan dengan beberapa prosedur penyelidikan. Terdapat beberapa prosedur penyelidikan mengikut piawaian yang spesifik seperti kaedah penyelidikan kerja sosial, kaedah penyelidikan dalam sains sosial dan kaedah penyelidikan pendidikan.
- (10) *praktikum* - latihan praktikum memberi peluang kepada pelajar untuk mendapat pengalaman sebenar praktis. Praktikum juga mendedahkan pelajar dengan agensi-agensi yang berkaitan dengan kerja sosial. Malah, pelajar boleh memilih ‘*setting*’ yang sesuai dengan minat mereka dalam mengendalikan masalah klien. Latihan praktikum ini juga mampu meningkatkan komunikasi serta pengetahuan mendalam untuk berhadapan dengan klien.

Semua piawaian berkenaan penting disalurkan kepada pelajar kerja sosial bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kerja sosial dalam praktis. Menerusi piawaian ini, pelajar didedahkan dengan kaedah kerja sosial serta menyelesaikan isu-isu di pelbagai peringkat. Piawaian ini juga mampu memberi pengetahuan kepada pelajar tentang praktik kerja sosial yang membolehkan pelajar menjalani latihan industri. Hal ini selari dengan pendapat Sheafor dan Horejsi (2012) yang menyatakan tugas pekerja sosial tidak hanya melibatkan klien, sebaliknya turut melibatkan profesion kerja sosial.

Metodologi Kajian

Pendekatan dan rekabentuk kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan deskriptif. Kaedah kajian deskriptif berguna bagi menggambarkan atau menyatakan ciri-ciri seperti pendapat, pengetahuan dan sikap populasi yang dikaji terhadap sesuatu perkara (Fraenkel & Wallen, 1996).

Lokasi kajian

Kajian ini hanya melibatkan enam buah universiti awam sebagai lokasi kajian. Antaranya USM, UUM, UM, UKM, UMS dan UnisZA. Program kerja sosial yang ditawarkan oleh universiti awam tersebut adalah di bawah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, UUM, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM, Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, UM, Fakulti Sains Sosial Gunaan, UnisZA dan Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS. Pemilihan lokasi kajian ini adalah berdasarkan ciri-ciri responden yang sesuai untuk pengkajian ini. Ciri-ciri responden adalah pelajar tahun akhir program kerja sosial dan pelajar yang telah atau sedang menjalani latihan industri di agensi tertentu.

Populasi, sampel dan teknik persampelan kajian

Populasi kajian ini merupakan pelajar yang mengikuti program kerja sosial di universiti awam yang telah dipilih. Seramai 1,420 orang pelajar yang mengikuti program kerja sosial di universiti awam bagi sesi 2017/2018. Bagi tujuan kajian ini,

sampel kajian hanya melibatkan pelajar yang berada pada tahun akhir pengajian yang telah atau sedang menjalani latihan industri di agensi tertentu. Secara keseluruhannya, seramai 340 orang pelajar yang berada pada tahun akhir pengajian program kerja sosial terlibat dalam pengajian ini. Walau bagaimanapun, hanya seramai 279 orang pelajar program kerja sosial yang bersetuju untuk terlibat dalam kajian ini. Rasional pemilihan pelajar tersebut sebagai sampel kajian kerana pelajar tahun akhir adalah pelajar yang telah mengikuti sebilangan besar kursus yang ditawarkan dalam program kerja sosial. Pelajar tersebut juga mempunyai pengalaman praktikum dan memahami piawaian pendidikan kerja sosial yang telah dipelajari sepanjang pengajian (Ezarina, 2006). Teknik persampelan yang digunakan untuk kajian ini adalah persampelan bertujuan.

Teknik pengumpulan data

Teknik utama yang digunakan untuk pengumpulan data primer adalah borang soal selidik. Satu set borang soal selidik telah dibina dan diedarkan kepada responden kajian oleh penyelidik bagi mendapatkan maklumat kajian.

Teknik analisis data

Maklumat yang dikumpul melalui borang soal selidik telah dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) Versi 23. Bagi mengukur kebolehpercayaan borang soal selidik kajian, ujian *Cronbach Alpha* telah digunakan menerusi program SPSS. Secara keseluruhannya nilai *Cronbach Alpha* (.984) adalah diterima mengikut pandangan Fraenkel dan Wallen (1996). Setiap halangan yang dihadapi oleh pelajar telah dianalisis untuk mendapatkan tahap halangan mengikut piawaian pendidikan kerja sosial. Pengkaji telah ‘compute variable’ (halangan pelajar) dan seterusnya ‘recode into different variable’. Setelah melakukan ‘record for different variable’, pengkaji mendapatkan nilai ‘tinggi’, ‘sederhana’ dan ‘rendah’ untuk mendapatkan maklumat tahap halangan yang dihadapi oleh pelajar untuk memenuhi kurikulum asas kerja sosial. Seterusnya pengkaji juga menggunakan analisis *crosstabs* untuk mengetahui perkaitan antara tahap halangan dengan tahap pemahaman pelajar terhadap kurikulum asas kerja sosial.

Dapatan Kajian

Maklumat latar belakang pelajar

Kajian ini telah melibatkan pelajar tahun akhir program kerja sosial. Sebahagian besar (53.0%) mereka berumur 24 tahun dan 36.6 peratus pelajar berumur 23 tahun. 78.5% responden kajian adalah perempuan, manakala sebanyak 21.5 peratus adalah lelaki. 84.2% pelajar berbangsa Melayu, 11.5% adalah dari etnik lain seperti Bumiputera Sabah dan Sarawak, 3.2% berbangsa Cina dan 1.1% berbangsa India.

Tempoh pengajian yang diikuti oleh pelajar program kerja sosial adalah berbeza mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh universiti masing-masing. Bagi USM, UUM dan UNISZA, program kerja sosial yang ditawarkan memerlukan pelajar mengikuti minimum selama lapan semester. Manakala UKM dan UMS memerlukan pelajar mengikuti minimum enam semester. Tempoh pengajian di UM pula ialah tujuh semester. Penemuan kajian menunjukkan lebih separuh (55.9%) responden telah mengikuti program kerja sosial selama lapan semester. Manakala, sebanyak 40.5 peratus mengikuti program kerja sosial selama enam semester. Hanya 3.7 peratus responden yang mengikuti program kerja sosial selama tujuh semester.

Dasar Pendidikan dan Piawaian untuk Pendidikan Kerja Sosial telah menetapkan keperluan minimum dua kali penempatan di agensi yang memerlukan pelajar memenuhi 800 hingga 1000 jam. Penemuan kajian menunjukkan lebih separuh (52.3%) pelajar mengikuti latihan industri selama empat bulan. Manakala, sebanyak 17.2 peratus pelajar menjalani latihan industri selama dua bulan. Terdapat juga 16.8% pelajar yang menjalani tempoh latihan industri selama tiga bulan dan 13.6% mengikuti latihan industri selama enam bulan. Tempoh latihan industri yang diikuti oleh pelajar adalah berbeza mengikut struktur program universiti masing-masing.

Kerja sosial sebagai profesional

Tahap halangan pelajar dalam memenuhi kurikulum asas kerja sosial telah dinilai mengikut tinggi, sederhana dan rendah. Peratusan paling tinggi ditunjukkan pada kelompok responden yang menunjukkan tahap halangan yang sederhana untuk menguasai kurikulum asas kerja sosial sebagai profesional (48.0%) (Jadual 1.1). Walau bagaimanapun, sejumlah 39.4 peratus pelajar melaporkan mempunyai tahap halangan yang rendah. Sementara itu, sejumlah 12.5 peratus responden mempunyai halangan yang tinggi. Penemuan ini menunjukkan pelajar mampu menguasai kurikulum asas kerja sosial sebagai profesional.

Jadual 1.1. Kerja Sosial sebagai Profesional

Tahap Halangan terhadap ‘Kerja Sosial Sebagai Profesional’	Bilangan	Peratusan (%)
Rendah (Skor 3 ke bawah)	110	39.4
Sederhana (Skor 4-9)	134	48.0
Tinggi (Skor 10 ke atas)	35	12.5
Jumlah	279	100

Skor Purata = 6.7; Sisihan Piawai = 3.21; Minimum = 4.00; Maksimum = 20.00

Pengetahuan pelajar tentang peranan dan tanggungjawab kerja sosial seperti yang digariskan oleh NASW menyebabkan mereka lebih berpengetahuan dan mahu menjadikan kerja sosial sebagai profesion (Ezarina, 2006; Sheafor & Horejsi, 2000; Zastrow, 1999). Kajian Gary et al. (2002), Michelle (2016) dan Wang, Guo dan Findley et al. (2015) menunjukkan pelajar yang mengikuti program kerja sosial telah menguasai kurikulum asas kerja sosial sebagai profesional. Pemahaman ini telah mempengaruhi mereka untuk terlibat dan berkhidmat sebagai pekerja sosial. Menurut Michelle (2016), ketidakmampuan pelajar mengikuti program kerja sosial akan menyebabkan pelajar tidak memilih kerja sosial sebagai profesion.

Nilai dan etika kerja sosial

Secara keseluruhannya, penemuan kajian menunjukkan tahap halangan pelajar untuk memahami nilai dan etika kerja sosial adalah sederhana (67.4%) (Jadual 1.2). Sebanyak 20.4 peratus pelajar mempunyai tahap halangan yang rendah dan 12.2 peratus pula adalah tahap tinggi. Dapatkan kajian ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan atau dilema yang tinggi terhadap nilai dan etika kerja

sosial. Kebanyakan pelajar mampu menerima dan mengaplikasikan nilai dan etika kerja sosial yang telah ditetapkan (Walls, 2007).

Jadual 1.2. Nilai dan Etika Kerja Sosial

Tahap Halangan terhadap ‘Nilai dan Etika Kerja Sosial’	Bilangan	Peratusan (%)
Rendah (Skor 18 ke bawah)	57	20.4
Sederhana (Skor 19-39)	188	67.4
Tinggi (Skor 40 ke atas)	34	12.2
Jumlah	279	100

Skor Purata = 29; Sisihan Piawai = 10.8; Minimum = 17.00; Maksimum = 82.00

Nilai dan etika kerja sosial yang telah ditetapkan memerlukan pelajar atau pekerja sosial menerima masalah klien sebagai keunikan dan perlu mendapatkan perkhidmatan. Selain itu, aspek kerahsiaan dan penerimaan juga perlu dalam menguruskan klien (Zastrow, 2000). Oleh itu, penglibatan pelajar dalam bidang kerja sosial memerlukan mereka memahami nilai dan etika kerja sosial. Pemahaman mereka tentang nilai dan etika kerja sosial menyebabkan mereka kurang menghadapi dilemma dan konflik untuk berhadapan dengan klien. Kajian Michelle (2016) dan Gary et al. (2002) menunjukkan pelajar mempunyai minat yang mendalam untuk membantu klien dan mampu memahami nilai dan etika kerja sosial dalam praktis setelah mengikuti program kerja sosial pada peringkat sarjana muda.

Kepelbagai klien

Secara keseluruhannya tahap halangan pelajar untuk memahami kepelbagai klien adalah sederhana (56.6%) (Jadual 1.3). Sebanyak 29.7 peratus pelajar adalah mempunyai tahap halangan yang rendah dan 13.6 peratus pula adalah tahap tinggi. Dalam kajian ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami aspek kepelbagai klien. Ezarina (2006) menyatakan aspek seperti etnik, budaya, gender, orientasi seksual, agama, keupayaan fizikal dan mental, umur dan latar belakang klien adalah perlu pelajar fahami sejak mengikuti program kerja sosial peringkat sarjana muda. Kepelbagai klien akan menyebabkan intervensi, perkhidmatan dan peranan kerja sosial adalah berbeza

mengikuti aspek-aspek kepelbagaian tersebut. Kajian Audrey (2014), Berger (2010), Christina (2012) dan Magnus (2009) menunjukkan kefahaman dan pengetahuan pelajar yang mengikuti program kerja sosial mengikut kepelbagaian klien. Pelajar perlu memahami isu-isu sensitif dalam sesetengah etnik, gender, orientasi seksual, agama, keupayaan fizikal dan mental, umur dan latar belakang klien. Aspek-aspek kepelbagaian tersebut mempunyai batasan yang perlu pelajar atau pekerja sosial fahami dan menerima keunikan mereka sebelum menyampaikan perkhidmatan. Kebolehan pekerja sosial memahami dan menerima aspek-aspek kepelbagaian tersebut akan menyebabkan proses pertolongan dan perkhidmatan yang disampaikan adalah mengikut keperluan dan mencapai kesejahteraan mereka.

Jadual 1.3. Kepelbagaian klien

Tahap Halangan terhadap ‘Kepelbagaian Klien’	Bilangan	Peratusan (%)
Rendah (Skor 9 ke bawah)	83	29.7
Sederhana (Skor 10-22)	158	56.6
Tinggi (Skor 23 ke atas)	38	13.6
Jumlah	279	100

Skor Purata = 15.9; Sisihan Piawai = 6.6; Minimum = 9.00; Maksimum = 45.00

Keadilan sosial dan ekonomi

Tahap halangan pelajar memahami keadilan sosial dan ekonomi adalah sederhana (58.4%) (Jadual 1.4). Sebanyak 24.0 peratus pelajar mempunyai tahap halangan yang rendah dan 17.6 peratus pula mempunyai tahap halangan yang tinggi. Menurut Ezarina (2006) pengetahuan pelajar tentang keadilan sosial dan ekonomi akan banyak membantu mereka membuat penelitian secara kritikal tentang masalah klien terutama melibatkan diskriminasi dan penindasan. Pelajar memahami konsep keadilan sosial dan ekonomi bagi memberi panduan kepada pelajar tentang tanggungjawab pekerja sosial sebagai perunding dan penyampai perkhidmatan (Sheafor & Horejsi, 2000; Zastrow, 2000).

Jadual 1.4. Keadilan sosial dan ekonomi

Tahap Halangan terhadap ‘Keadilan Sosial Dan Ekonomi’	Bilangan	Peratusan (%)
Rendah (Skor 6 ke bawah)	67	24.0
Sederhana (Skor 7-13)	163	58.4
Tinggi (Skor 14 ke atas)	49	17.6
Jumlah	279	100

Skor Purata = 9.9; Sisihan Piawai = 3.7; Minimum = 5.00; Maksimum = 25.00

Kajian Gary et al. (2002) dan Michelle (2016) menunjukkan pelajar memahami konsep keadilan sosial dan ekonomi dan mampu mengaplikasikan beberapa teori untuk membantu klien mencapai kefungsian dan kesejahteraan. Namun, kajian Costello dan Taik (2015) dan Michelle (2013) menunjukkan pelajar masih mempunyai dilema terhadap aspek keadilan sosial dan ekonomi. Situasi ini adalah bergantung dengan kestabilan politik, sosial dan ekonomi sesebuah negara. Pergolakan dan ketidakstabilan aspek politik, sosial dan ekonomi akan menyebabkan pekerja sosial turut menghadapi kesukaran dalam penyampaian perkhidmatan. Dalam kajian ini, analisis menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami aspek keadilan sosial dan ekonomi.

Berfikiran secara kritis untuk menyelesaikan masalah klien dan populasi berisiko

Tahap halangan pelajar terhadap berfikiran secara kritis untuk menyelesaikan masalah klien populasi berisiko adalah sederhana (57.7%) (Jadual 1.5). Sebanyak 28.7 peratus pelajar adalah mempunyai tahap halangan yang rendah dan sebanyak 13.6 peratus pelajar adalah tahap tinggi.

Jadual 1.5. Berfikiran secara kritis: populasi berisiko

Tahap Halangan terhadap ‘Berfikiran Secara Kritis: Populasi Berisiko’	Bilangan	Peratusan (%)
Rendah (Skor 13 ke bawah)	80	28.7
Sederhana (Skor 14-27)	161	57.7
Tinggi (Skor 28 ke atas)	38	13.6
Jumlah	279	100

Skor Purata = 20.0; Sisihan Piawai = 7.5; Minimum = 11.00; Maksimum = 48.00

Program kerja sosial yang disediakan oleh universiti awam perlu menyediakan pengetahuan tentang berfikiran secara kritis dalam menangani masalah klien dan memahami populasi berisiko. Rusimah et al., (2014) ada menyatakan bahawa memahami teori atau model dalam kerja sosial akan membantu pelajar untuk berfikiran secara kritis. Program kerja sosial perlu menawarkan beberapa teori utama seperti model ekologi dan tingkah laku pelajar untuk menjadi panduan mengendalikan kes. Ezarina (2006) dan Zastrow (2017) menyatakan pengetahuan pelajar tentang kedua-dua teori dan model tersebut membantu klien untuk mengenal pasti keperluan klien dan aktor-aktor yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi klien seperti keluarga, rakan sekerja, kejiranan dan agensi. Kajian Gary et al. (2002) dan Michelle (2013) pula menunjukkan pelajar perlu menggunakan model ekologi dan teori tingkah laku untuk membantu pelajar atau pengamal kerja sosial berfikiran lebih kritis dalam menyampaikan perkhidmatan. Pengetahuan ini telah diperoleh pelajar sejak mengikuti program kerja sosial pada peringkat sarjana muda.

Populasi berisiko adalah terdiri daripada warga emas, kanak-kanak, wanita, pesakit mental, orang kelainan upaya dan kumpulan minoriti. CSWE (1992 dlm. Ezarina, 2006) menggariskan populasi berisiko tersebut sebagai kursus wajib untuk program kerja sosial pada peringkat sarjana muda dan sarjana. Rusimahet et al., (2014) menyatakan pendidikan kerja sosial perlu menyediakan kursus mengenai populasi berisiko untuk memberi pengetahuan kepada pelajar tentang populasi tersebut, kelebihan dan kelemahan populasi tersebut, batasan yang perlu pekerja sosial amalkan dan mengetahui intervensi dan perkhidmatan yang sesuai mengikut populasi berisiko. Pengenalan dan pengetahuan awal tentang populasi berisiko terhadap pelajar akan menjadikan pelajar lebih bersedia untuk bekerjasama dengan populasi tersebut (Ezarina, 2006; Michelle, 2016).

Kajian Christina (2012), Deardorff (2008), Jessica (2014), Marilyn (2013) dan Miriam (2001) menunjukkan pelajar yang mengikuti program kerja sosial telah diberi pengetahuan tentang populasi berisiko dan mereka mampu memahami

populasi tersebut sehingga berada dalam praktis yang sebenar. Dalam kajian ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami kurikulum asas kerja sosial ini.

Tingkah laku manusia dan persekitaran

Tahap halangan pelajar untuk memahami tingkah laku manusia dan persekitaran adalah sederhana (51.6%) (Jadual 1.6). Sebanyak 29.4 peratus pelajar mempunyai tahap halangan yang rendah dan 19.0 peratus pula adalah tahap tinggi terhadap tingkah laku manusia dan persekitaran.

Jadual 1.6. Tingkah laku manusia dan persekitaran

Tahap Halangan terhadap ‘Tingkah Laku Manusia dan Persekitaran’	Bilangan	Peratusan (%)
Rendah (Skor 3 ke bawah)	82	29.4
Sederhana (Skor 4-7)	144	51.6
Tinggi (Skor 8 ke atas)	53	19.0
Jumlah	279	100

Skor Purata = 5.6; Sisihan Piawai = 2.2; Minimum = 3.00; Maksimum = 12.00

Program yang disediakan oleh universiti perlu mengandungi aspek tingkah laku manusia dan persekitaran. Semua universiti wajib menyediakan pengetahuan tentang tingkah laku manusia dan persekitaran (Ezarina, 2006; Rusimah et al., 2014). Kajian Collins (2014) dan Wang et al. (2015) menunjukkan pelajar telah diberikan pengetahuan tentang tingkah laku manusia dan persekitaran berdasarkan sistem sosial klien dan teori yang berkaitan tingkah laku. William, Smith dan Boyle (2001) menyatakan pengetahuan tentang teori yang selalunya pekerja sosial amalkan adalah daripada psikologi, sosiologi dan budaya. Teori-teori tersebut membantu pelajar untuk memahami klien berdasarkan tingkah laku dan persekitaran yang mempengaruhinya. Teori sistem dan ekologi adalah teori utama untuk memahami tingkah laku dan persekitaran klien (Gary et al., 2002; Michelle, 2013, Michelle, 2016; Wang et al., 2015).

Dasar dan perkhidmatan kebajikan sosial

Tahap halangan pelajar untuk memahami dasar dan perkhidmatan kebajikan sosial adalah sederhana (54.5%) (Jadual 1.7). Sebanyak 26.2 peratus pelajar mempunyai tahap halangan yang rendah dan sebanyak 19.4 peratus adalah tahap tinggi. Penemuan ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami dasar dan perkhidmatan kebajikan sosial.

Jadual 1.7. Dasar dan perkhidmatan kebajikan sosial

Tahap Halangan terhadap ‘Dasar dan Perkhidmatan Kebajikan Sosial’	Bilangan	Peratusan (%)
Rendah (Skor 4 ke bawah)	73	26.2
Sederhana (Skor 5-8)	152	54.5
Tinggi (Skor 9 ke atas)	54	19.4
Jumlah	279	100

Skor Purata = 6.3; Sisihan Piawai = 2.5; Minimum = 3.00; Maksimum = 15.00

Kajian Collins (2014) dan Michelle (2016) menunjukkan sedikit kesukaran yang dialami oleh pekerja sosial berikutan dasar dan perkhidmatan kebajikan sosial adalah berdasarkan kestabilan sesebuah negara. Kajian Costello dan Taik (2015) serta Sutton (2004) pula menunjukkan sesebuah negara yang daif dari segi politik, sosial dan ekonomi mempengaruhi penyampaian perkhidmatan kebajikan sosial dan pengaplikasian dasar sosial. Keadaan tersebut adalah berbeza daripada negara yang mempunyai kestabilan politik, sosial dan ekonomi di mana pekerja sosial mereka lebih mudah untuk menyampaikan perkhidmatan dan mengaplikasikan dasar sosial dalam menentukan hak klien (Michelle, 2016).

Bagi konteks Malaysia, Rusimah et al., (2014) menyatakan CSWE (2008) telah mewajibkan kursus dasar sosial dan perkhidmatan kebajikan sosial ditawarkan dalam semua program kerja sosial di universiti. Walaupun belum ada garis piawaian kurikulum asas kerja sosial di Malaysia, kebanyakan program akademik kerja sosial di universiti awam menjadikan kursus dasar sosial dan kebajikan sosial sebagai kursus wajib program (Ezarina, 2006).

Praktis kerja sosial

Zastrow (1999) menyatakan praktis kerja sosial mempunyai teras utama iaitu individu, kumpulan dan komuniti. Tiga teras praktis kerja sosial ini penting untuk pengetahuan pelajar yang mengikuti program kerja sosial di universiti. Kajian ini mendapati tahap halangan pelajar menguasai komponen praktis kerja sosial adalah sederhana (49.8%) (Jadual 1.8). Sebanyak 39.4 peratus pelajar mempunyai tahap halangan yang rendah dan 10.8 peratus pula adalah tahap yang tinggi.

Jadual 1.8. Praktis kerja sosial

Tahap Halangan terhadap ‘Praktis Kerja Sosial’	Bilangan	Peratusan (%)
Rendah (Skor 3 ke bawah)	110	39.4
Sederhana (Skor 4-7)	139	49.8
Tinggi (Skor 8 ke atas)	30	10.8
Jumlah	279	100

Skor Purata = 5.2; Sisihan Piawai = 2.3; Minimum = 3.00; Maksimum = 15.00

Ezarina (2006) dan Rusimah et al. (2014) menyatakan pelajar perlu memahami dan mengetahui praktis kerja sosial individu, kumpulan dan komuniti agar mampu menjadi pengamal kerja sosial. Kerja sosial individu adalah melibatkan individu, keluarga dan rakan sebaya. Manakala kerja sosial kumpulan melibatkan dua atau lebih individu yang mempunyai masalah yang sama dan mencapai matlamat yang sama. Kerja sosial komuniti pula adalah melibatkan agensi dan perkhidmatan kebajikan sosial (William, et al., 2001; Zastrow, 2017).

Kajian Collins (2014), Gary et al. (2002), Michelle (2016) dan Wang et al. (2015) menunjukkan pelajar telah memahami dan menguasai praktis kerja sosial individu, kumpulan dan komuniti. Malah kajian-kajian tersebut menunjukkan pelajar berjaya mengaplikasikan praktis kerja sosial dalam amalan mereka. Kebanyakan pekerja sosial telah mahir melaksanakan praktis kerja sosial tersebut setelah mengikuti program kerja sosial di peringkat sarjana muda. Dalam kajian ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami praktis kerja sosial di universiti awam.

Penyelidikan

Tahap halangan pelajar untuk menguasai aspek penyelidikan adalah sederhana (56.3%) (Jadual 1.9). Sebanyak 27.2 peratus pelajar mempunyai tahap halangan yang rendah dan 16.5 peratus pelajar mempunyai tahap tinggi. Penemuan ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk memahami kurikulum asas kerja sosial secara penyelidikan.

Jadual 1.9. Penyelidikan

Tahap Halangan terhadap ‘Penyelidikan’	Bilangan	Peratusan (%)
Rendah (Skor 8 ke bawah)	76	27.2
Sederhana (Skor 9-17)	157	56.3
Tinggi (Skor 18 ke atas)	46	16.5
Jumlah	279	100

Skor Purata = 13.1; Sisihan Piawai = 5.0; Minimum = 7.00; Maksimum = 32.00

CSWE (2008) telah menggariskan penyelidikan sebagai kursus wajib program kerja sosial. Zastrow (2017) pula berpendapat penyelidikan adalah aspek penting dalam kerja sosial untuk melatih pelajar menjalankan peranan sebagai penyelidik dalam praktis sebenar. Ezarina (2006) menyenaraikan antara pengetahuan utama yang perlu untuk memenuhi piawaian penyelidikan adalah pemahaman tentang kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif, prosedur penyelidikan, dan kepentingan penyeliaan. Azlinda (2011) menambah pengetahuan yang penting dalam aspek penyelidikan ini adalah penulisan tesis atau laporan kerja kes pelajar. Kemahiran-kemahiran ini akan melahirkan pelajar yang lebih kritikal dan memahami aspek penyelidikan dalam kerja sosial. Kajian Gary et al. (2002) menunjukkan pelajar telah diberi pengetahuan tentang metodologi dalam penyelidikan. Pengetahuan ini menjadikan pelajar yang mengikuti program kerja sosial lebih praktikal dalam menjalankan penyelidikan. Hal ini selaras dengan peranan pekerja sosial sebagai penyelidik (Sheafor & Horejsi, 2000; Michelle, 2013; Michelle, 2016).

Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kerja sosial dalam praktis

Tahap halangan pelajar untuk menguasai kemahiran ketika menjalani latihan industri dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kerja sosial dalam

praktis adalah sederhana (57.7%) (Jadual 1.10). Sebanyak 24.7 peratus pelajar mempunyai tahap halangan yang rendah dan 17.6 peratus pula adalah tahap tinggi. Hasil kajian ini menunjukkan pelajar tidak mempunyai halangan untuk mengikuti latihan industri dan memahami meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kerja sosial dalam praktis.

Jadual 1.10. Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kerja sosial

Tahap Halangan terhadap ‘Latihan Industri/ Meningkatkan Pengetahuan dan Kemahiran Kerja Sosial dalam Praktis’	Bilangan	Peratusan (%)
Rendah (Skor 12 ke bawah)	69	24.7
Sederhana (Skor 13-20)	161	57.7
Tinggi (Skor 21 ke atas)	49	17.6
Jumlah	279	100

Skor Purata = 16.6; Sisihan Piawai = 4.5; Minimum = 8.00; Maksimum = 37.00

Pelajar yang mengikuti program kerja sosial diwajibkan untuk menjalani latihan industri di agensi (Azlinda, 2011; CSWE, 1992 dlm Ezarina, 2006). Latihan industri ini melatih pelajar untuk berhadapan dengan kes dan klien yang sebenar. Abdul Razak dan Ahmad Shukri (2006) menyatakan pengalaman menjalani latihan industri akan meningkatkan pengetahuan pelajar tentang bidang tugas kerja sosial. Kajian Azlinda (2011) dan Norul Huda, Ezarina & Fauziah (2017) pula menunjukkan pelajar yang menjalani latihan industri akan diberi peluang oleh agensi untuk mengurus dan mendapatkan maklumat klien. Pengalaman ini mampu meningkatkan kemahiran komunikasi, kemahiran pembelajaran dan kemahiran dalam praktis kerja sosial dalam kalangan pelajar. Situasi ini sama dengan di negara barat yang mewajibkan pelajar untuk menjalani latihan industri bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kerja sosial dalam praktis (Beck & Kosnik, 2002; Dowling, 2012; Magnus, 2009).

Penutup

Secara keseluruhannya, tahap halangan pelajar untuk menguasai kurikulum asas kerja sosial dilihat begitu positif. Pelajar cenderung untuk tidak mempunyai halangan yang kritikal untuk memahami kurikulum asas kerja sosial. Pelajar tidak

mempunyai halangan untuk memahami kurikulum asas kerja sosial sebagai profesional, nilai dan etika kerja sosial, memahami kepelbagaiannya klien, meningkatkan keadilan sosial dan ekonomi, berfikiran secara kritis terhadap populasi berisiko, tingkah laku manusia dan persekitaran, dasar dan kebajikan sosial, praktis kerja sosial, penyelidikan dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam praktis menerusi latihan industri. Pandangan yang positif ini menggambarkan pelajar yang mengikuti program kerja sosial mampu menguasai kurikulum asas kerja sosial sebagai persediaan menjadi pekerja sosial yang kompeten. Input-input ini boleh digunakan bagi memperkemaskan lagi Dasar dan Piawaian Pendidikan Kerja Sosial negara. Juga, Majlis Pendidikan Kerja Sosial boleh mempertimbangkan input-input berkenaan dalam usaha memperkemaskan lagi kursus-kursus kerja sosial yang ditawarkan di universiti awam dalam negara. Kurikulum yang mantap mampu menghasilkan pelajar dan pekerja sosial yang berkualiti.

Rujukan

- Abdul Razak Manaf & Ahmad Shukri. (2006). Praktikum dan Kerja Sosial: Ke Arah Piawaian Pembelajaran dan Pengajaran yang Berkualiti. Dlm. Azlin Hilma, Fatimah Zailly, Rusimah dan Yusmarhaini. *Isu-isu dan Pendidikan Kerja Sosial*. (pp. 125-136). Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Amna Md Noor. (2000). Keperluan dan Cabaran Masa Depan Praktis Kerja Sosial di Sekolah. Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial, pp. 71-100. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Audrey, W. U. (2014). *Social Workers Cultural Competency with Deaf Clients: A Continuing Education Module* (Master Thesis). Dimuat turun dari ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Azlinda Sulaiman. (2011). Pembelajaran Refleksi: Aplikasi dalam Praktikum Kerja sosial. Dlm. Abdul Razak, Noor Azizah dan Ahmad Shukri. *Pengurusan dan Amalan Kerja Sosial*. (pp. 291-304). Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Berger, R. (2010). Encounter of a Racially Mixed Group with Stressful Situations. *Groupwork*, 19(3), 28-41.
- Christina, R. (2012). Supporting Social Work Students with Mental Health Challenges. *Social Work Today*, 12(5), 10.

- Collins, K. J. (2014). Outcomes-based education and deep learning in first year sosial work in South Africa: Two case examples. *International Social Work*, 58(4), 495-507.
- Costello, S. & Taik, U. A. (2015). Developing Social Work Education in Myanmar. *International Social Work*, 58(4), 1-13.
- Council for Social Work Education (CSWE). (2008). Social Work Field Education Core Competencies and Practice Behavior. Dimuat turun dari <http://cswe.org>
- Dudley, J. R. & Helfgott, C. (1990). Exploring a Place for Spirituality in the Social Work Curriculum. *Journal of Social Work Education*, 26(3), 287-294.
- Ezarina Zakaria. (2006). Konsep Konflik Sosial: Satu Tinjauan untuk Kurikulum Kerja Sosial. Dlm. Faizah Yunus (Ed.). Khidmat Sosial Malaysia (pp.137-163). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Fraenkel, J. C. & Wallen, N. E. (1996). *How To Design and Evaluate Research*. USA: McGraw Hill.
- Gary, H., Meenaghan, T., Anastas, J. & Metrey, G. (2002). Outcomes of Social Work Education: The Case for Social Work Self-Efficacy. *Journal of Social Work Education*, 38(1), 115-133.
- Jessica, M. R. (2014). *Infusion of Gerontological Competencies in Social Work* (Master Thesis). Dimuat turun dari ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Larry, S. P. (2003). *An Evaluation of a Compassion Education Curriculum Designed for Students in the Profession of Social Work* (Dissertation Doctor of Education). Dimuat turun dari ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Magnus, P. (2009). Preparation for Social Work Students to do Cross-cultural Clinical Practice. *International Social Work*, 52(3), 375-385.
- Marilyn, E. D. (2013). *Social Work Education and Disability: A Multicase Study of Approaches to Disability in Core and Specialized Curricula at Three Bachelor of Social Work Programs* (Doctoral Dissertation). Dimuat turun dari ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Miriam, R. P. (2001). *Social Work Students Perceptions of Social Work Practice with Adults with Physical Disabilities* (Thesis Master). Dimuat turun dari ProQuest Dissertation and Theses database.
- Michelle, G. B. (2013). *Cultural Competence in School Social Work: A Personnel and Professional Learning Curve* (Dissertation Master of Social Work). Dimuat turun dari ProQuest Dissertation and Thesis database.
- Michelle, P. M. (2016). *Cultural Competence in Social Work Practice: Exploring the Experiences of Recent MSW Graduates* (Dissertation Doctor of Education). Dimuat turun dari ProQuest Dissertation and Thesis database.

- Rusimah, S., Ahmad Syukri, A. H. & Jusmawati, F. (2014). *Pengantar Kerja Sosial* (Edisi ke-10). Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Sheafor, B. W. & Horejsi, C. R. (2012). *Techniques and Guidelines for Social Work Practice* (9th ed.). New Jersey: Allyn and Bacon.
- Wang, Y., Gou, Y., Findley, K., Lu, S. & Huang, C.C. (2015). *Competencies of Graduate Social Work Students in China* (Research Report). Huamin Research Center. Rutgers School on Social Work. Dimuat turun dari <https://pdfs.semanticscholar.org/5>
- Walls, P. G. (2007). Exploring cultural competence practice in undergraduate social work education. *Education*, 127(4), 569-580.
- William, F. O., Smith, L. L. & Boyle, S.W. (2001). *Introduction to Social Work* (10th ed.). Boston: Allyn and Bacon.
- Zastrow, C. (1999). *The Practice of Social Work* (6th ed.). Belmont, CA: Thomson.
- Zastrow, C. (2000). *Introduction to Social Work and Social Welfare*. (7th ed.). New York: Wadsworth.
- Zastrow, C. (2017). *Introduction to Social Work and Social Welfare: Empowering People*. Boston, MA: Cengage Learning.
- Zakiyah Jamaluddin. (2006). Tingkah Laku Manusia dalam Persekutaran Bandar: Perspektif Ekologi Manusia. Dlm. Azlin Hilma, Fatimah Zailly, Rusimah dan Yusmarhaini. *Isu- isu dan Pendidikan Kerja Sosial*. (pp.99-110). Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.